

# Perdana Menteri saran syarikat Melayu bergabung

Oleh HABIBAH OMAR

**PUTRAJAYA** 27 Nov. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyarankan syarikat-syarikat Melayu mengamalkan konsep penggabungan bagi meningkatkan keupayaan serta persaingan di pasaran yang lebih luas.

Sambil memberi contoh penggabungan Kumpulan Guthrie Bhd. (Guthrie), Sime Darby Bhd. (Sime Darby) dan Golden Hope Bhd. (GHope), Perdana Menteri memberitahu jika orang Melayu tiada kekuatan maka peluang keemasan yang wujud akan diambil oleh orang lain.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan para kontraktor Melayu supaya turut bergabung bagi melahirkan entiti yang lebih kukuh.

“Cuba usaha gabung beberapa kontraktor. Tiga syarikat besar ini pun bergabung kerana dalam dunia sekarang, saingan bergantung kepada kebolehan dan keupayaan untuk berjaya.

“Orang tak nak syarikat yang daif sebab kita nak bersaing dengan syarikat besar

Orang tak nak syarikat yang daif sebab kita nak bersaing dengan syarikat besar termasuk dari Korea, Jepun, India, Eropah dan Amerika

termasuk dari Korea, Jepun, India, Eropah dan Amerika,” katanya ketika berucap merasmikan Mesyuarat Agung Ke-27, Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Presiden PKMM, Senator Datuk Roslan Awang Chik.

Menurut Perdana Menteri, ketika ini banyak syarikat tempatan yang mendapat kontrak dari luar negara melalui tender terbuka berbanding pada masa lalu yang memperlihatkan bagaimana kontraktor Melayu tidak mempunyai keyakinan pada diri sendiri.

Pada waktu dahulu, katanya kontraktor Melayu berasa was-was pada kebolehan diri sendiri menyebabkan mereka hilang

keyakinan sekali gus membawa kepada kegagalan.

“Kita kena ada keyakinan dan antaranya ialah bagaimana hendak menjayakan projek dengan keupayaan yang ada dengan mengadakan kawalan dalaman termasuk dari segi pembelian barang.

“Kita nak kontraktor Melayu yang dihormati sebab kebolehan kerja yang bermutu, elok dan ternama. Dalam masa sama, kerajaan sedang memerhati perkembangan dalam sektor pembinaan dan mencari apa masalah yang perlu diatasi,” katanya.

Mengenai projek tergendala, Abdullah menyatakan beliau dukacita dan sangat sedih kerana perkara berkenaan boleh berlaku kerana ia bukan sahaja merugikan kerajaan malah akan menyusahkan rakyat.

ABDULLAH AHMAD BADAWI  
Perdana Menteri

Perkara itu, katanya mencemarkan imej kontraktor walaupun hanya segelintir sahaja yang terlibat dan ia merupakan satu penipuan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat.

Dalam ucapannya itu juga, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak akan membantu membiayai syarikat yang menjalankan projek yang tergendala di bawah inisiatif pembiayaan swasta (PFI).

“Syarikat itu kena cari belanja, cari duit untuk kendali (projek). Kalau rugi jangan harap kerajaan tolong, jadi fikir habis-habis sama ada boleh tak keluar belanja berbilion-bilion.

“Kalau tak boleh, tak payah. Kerajaan sebagai fasilitator sahaja kalau nak permit atau kelulusan, kita boleh percepatkan,” katanya.

Perdana Menteri turut menyatakan bahawa berdasarkan perangkaan keadaan ekonomi negara bertambah pulih dan akan terus meningkat untuk menjadi lebih baik berbanding sebelum ini.

Namun, katanya peningkatan itu bergantung kepada semua sektor termasuk pembinaan.